

# Jho Low arah Najib tak bercakap banyak

## Ahli perniagaan dalam buruan atur segala dokumen, nota percakapan bekas PM: Saksi

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi di sini semalam, diberitahu ahli perniagaan Low Taek Jho atau Jho Low mengarahkan Datuk Seri Najib Razak tidak bercakap banyak dengan firma audit KPMG dalam satu mesyuarat di kediaman bekas Perdana Menteri itu pada 2013.

Bekas Ketua Pegawai Kewangan (CFO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Azmi Tahir, berkata strategi yang dirancang Jho Low pada mesyuarat itu ialah Najib mesti menyatakan beliau sudah diterangkan dan mengetahui segala pelaburan dan transaksi di 1MDB serta yakin dengan dokumen yang ada.

Saksi pendakwaan ke-12 itu yang membacakan pernyataan saksinya, memberitahu ahli perniagaan dalam buruan itu turut mengarahkan Najib menyatakan keyakinan beliau terhadap Bank BSI di Lugano, Switzerland berdasarkan fakta yang diberikan.

Selain itu, katanya, strategi lain ialah mesyuarat berkenaan mesti dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan CFO (pengurusan 1MDB) bersama Najib dan Jho Low turut mengatur supaya hanya Datuk Johan Idris dan Ahmad Nasri Abdul Wahab yang perlu hadir bagi pihak KPMG.

Azmi berkata, mesyuarat itu diadakan kerana KPMG hendak mendengar sendiri penjelasan mengenai pelaburan Segregated Portfolio Company (SPC) di Cayman Islands dan mendengar sendiri pengetahuan Najib mengenai pelaburan 1MDB di luar negara, khususnya oleh Brazen Sky Limited.

Melalui keterangan bekas CEO 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi sebelum ini, Brazen Sky ditubuhkan oleh Jho Low di British Virgin Islands dan sekutunya untuk mengalihkan pelaburan 1MDB dalam PetroSaudi Oil Services Ltd (PSOSL).

Sementara itu, Azmi berkata, pada mesyuarat itu, wakil 1MDB yang hadir adalah beliau bersa-

ma CEO dan Pengerusi 1MDB ketika itu, Mohd Hazem Abdul Rahman dan Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin serta Najib.

"Saya ke rumah Najib pada malam 15 Disember 2013 dan mendapati beliau sudah mempunyai e-mel Jho Low. Perkara yang digariskan Jho Low dalam e-mel sudah dibincangkan oleh Najib kepada Johan. Johan bertanyakan Najib mengenai pelaburan SPC dan Najib menjawab beliau mengetahui pelaburan Brazen di SPC.

"Pada mesyuarat itu, Najib bertanya mengapa KPMG menimbulkan syak mengenai aset asas pelaburan sedangkan Bank BSI sudah menunjukkan penyata pelaburan dan Najib turut memberitahu firma berkenaan untuk menutup akaun 1MDB sebelum 31 Disember 2013.

"Dalam perkara ini, saya dapat walaupun saya CFO 1MDB, iaitu audit di bawah bidang kuasa saya, Jho Low mengatur segala dokumen dan nota percakapan kepada Najib untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan KPMG," katanya.

Azmi berkata, selepas mesyuarat itu, KPMG masih tidak menutup laporan kewangan 2013 kerana tidak berpuas hati dengan dokumen dan jawapan yang diberikan dan tidak lama kemudian, firma itu digantikan dengan Deloitte.

Sementara itu, beliau juga mendakwa, dana berjumlah AS\$205 juta daripada akaun subsidiari 1MDB, iaitu 1MDB Global Investment Ltd (1MDB GIL) dipindahkan bagi tujuan derma ke dalam akaun dua pertubuhan kebajikan atas arahan Najib.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak AS\$100 juta dipindahkan sebagai derma kepada Kelab Kebajikan 1Malaysia Pulau Pinang pada 25 Mac hingga 29 April 2013 dan AS\$105 juta pula didermakan kepada Yayasan Rakyat 1Malaysia (YR1M) pada 25 Mac hingga 2 Mei 2013.

"Wang ini dipindahkan sebagai derma atas arahan Ketua Setiausaha Sulit Najib (ketika itu), Allahyarham Datuk Azlin Alias yang saya percaya adalah arahan Najib. Di samping itu, Najib adalah pemegang amanah bagi YR1M.

"Saya sahkan bahawa perbelanjaan wang ini tidak digunakan bagi tujuan syarikat usaha sama di antara 1MDB dan Aabar Investment PJS (ADMIC) seperti mana objektif penerbitan bon berjumlah RM3 bilion," katanya yang terdahulu memberitahu mahkamah, jumlah wang keseluruhan yang dimasukkan ke da-

lam akaun 1MDB GIL adalah AS\$2.7 bilion.

Selain dipindahkan ke dua pertubuhan kebajikan, saksi itu berkata, sebanyak AS\$379.5 juta dipindah masuk ke dalam akaun Cistenique (Netherlands) pada 20 Mac hingga 22 Mac 2013, Enterprise Emerging Markets Fund (AS\$414.8 juta) dan Devonshire Funds Ltd (AS\$586.9 juta).

Azmi berkata, pindahan ke dalam syarikat dana pelaburan kerajaan itu adalah di bawah kawalan Terrence Geh (bekas Pengarah Eksekutif Kewangan 1MDB) di mana beliau diarahkan oleh Azlin untuk menandatangani apa jua dokumen yang dibawa Geh untuk tujuan pelaburan.

Selain itu, katanya, wang berjumlah AS\$3.3 juta dipindahkan ke Brazen Sky (syarikat ditubuhkan Jho Low) di antara 28 Februari dan 28 Jun 2013 bagi membantu keperluan syarikat itu, manakala wang AS\$792 juta pula



Najib hadir perbicaraan kes 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)

dipindahkan ke 1MDB pada 2 April hingga 11 September 2013 untuk menampung keperluan syarikat berkenaan.

Katanya, dua perbelanjaan besar daripada jumlah wang berkenaan adalah untuk pembelian tanah di Ayer Itam dan pembayaran balik hutang atas arahan Mohd Hazem.

Najib, 68, berdepan empat tuduhan menyalahgunakan kedu-dukannya untuk memperoleh rasuah berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 tuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini.

GAMUDA LAND

## 7% Diskaun\* untuk Bumiputera

# GAMUDA GARDENS

## Miliki Rumah Idaman Anda di Gamuda Gardens

**Ambil peluang ini dengan Diskaun HOC 2021 dan pengecualian Duti Setem!**

### LAVENA

20' x 75' | Teres 2 Tingkat

Siap dibina

### JOYA

24' x 65' | Teres Superlink

tinggapan artis sahaja

### JOVITA

35' x 70' | Semi-D Berkembar

tinggapan artis sahaja

### GAIA RESIDENCES

Apartment Servis

tinggapan artis sahaja

**10% Diskaun** untuk Bumiputera

**Sincere™ Responsible Original**

Bandar Serai Development Sdn Bhd  
Gamuda Gardens Development Gallery,  
Pavilion Gamuda Gardens 1,  
Bandar Gamuda Gardens,  
48000, Klang, Selangor.

**EDGE-PEPS**  
Value Creation Excellence  
AWARD 2021-2021  
REAL ESTATE DEVELOPERS

**gamudaland.com.my**  
**03 6037 2888**

\*Tertakluk pada terma dan syarat. ... (small text about terms and conditions) ...